

Saman Kastam, kerajaan sebab GST

SH 21/7

KUALA LUMPUR - Sebuah syarikat pengimport dan pengedar kurma memfailkan saman terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kerajaan Malaysia berhubung pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) terhadap buah kurma kering dan barangan keperluan asas lain.

Asia Kitchen Industries Sdn Bhd memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 17 Jun lalu dengan menamakan Jabatan

Kastam dan Kerajaan Malaysia masing-masing sebagai defendan pertama dan kedua.

Melalui penyataan tuntutan, Asia Kitchen mendakwa tindakan defendan mengenakan GST suatu bentuk ketidakadilan dan penganiayaan, menyusahkan bukan sahaja kepada plaintif, tetapi banyak pihak lain yang terpaksa menanggung beban kos sara hidup tinggi.

Asia Kitchen juga menuntut supaya defendan-defendan memberikan sebab

alasan dan/atau justifikasi ke atas pengenaan GST bagi kurma kering.

Sehubungan itu, Asia Kitchen memohon suatu perintah supaya produk-produk asas dan perkhidmatan asas dikecualikan GST dan suatu perintah bahawa kurma kering adalah makanan sunnah orang Islam dikecualikan daripada dikenakan cukai berkenaan.

Plaintif turut memohon perintah bahawa senarai buah-buahan dan sayur-sayuran, senarai barang bercukai dan

tidak bercukai edisi ketiga dipinda dan kurma kering tidak dikenakan GST sama seperti kurma basah.

Sementara itu, pada prosiding pengurusan kes itu semalam, Timbalan Pendaftar K Pavani menetapkan 3 Ogos depan untuk pengurusan semula kes.

Prosiding dalam kamar itu hanya dihadiri peguam, Datuk Abu Backer Sidek bagi pihak Asia Kitchen, manakala peguam bagi pihak defendan tidak hadir.